

PNB

**Merdeka
Ventures**

KENYATAAN AKHBAR

GALERI PAMERAN MERDEKA 118 DIBUKA

Pamer Mercu Tanda Pencakar Langit Baharu Asia Tenggara

Kuala Lumpur, 24 September 2019: PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (PNBMV), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini melancarkan 'Galeri Pameran Merdeka 118' bagi projek pembangunan Merdeka 118, di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Terletak di kawasan bandar Kuala Lumpur yang pesat membangun sehingga hari ini, presint berprestij Merdeka 118 bakal menyaksikan penyatuan luar biasa di antara seni bina bersejarah dan kontemporari. Reka bentuk menara yang tersergam teguh dan jelas dilihat di latar langit Kuala Lumpur ini mencerminkan imej ikonik pengisytiharan kemerdekaan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Menara Merdeka 118 berdiri megah bersama dua warisan negara - Stadium Negara dan Stadium Merdeka, di mana kemerdekaan Malaysia diisytiharkan pada tahun 1957. Sebagai penjaga kedua-dua tapak bersejarah ini, PNB Merdeka Ventures telah melakukan pelbagai usaha pemeliharaan buat Stadium Merdeka di mana stadium tersebut menjalani usaha baik pulih pada tahun 2007 demi mengembalikannya kepada keadaan asal pada tahun 1957, sementara pelan untuk membaik pulih Stadium Negara akan dilaksanakan bagi membolehkannya diguna pakai sebagai lokasi untuk pelbagai aktiviti menarik.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, "Presint ini bukan sahaja melambangkan kebudayaan dan sejarah kemerdekaan kita, tetapi juga perubahan dan masa depan kita berdasarkan gabungan seni bina kontemporari dan sejarah

kawasan ini. Puncak menara melambangkan aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara dan PNB sebagai sebuah syarikat untuk terus berusaha mencapai kejayaan demi kejayaan di masa depan."

"Sebagai pemangkin untuk perubahan, Merdeka 118 bakal menghidupkan semula lokasi bersejarah ini. Bagi tujuan ini, kami telah mengutamakan pelan pengaktifan sepanjang tahun di presint tersebut selepas siapnya kerja-kerja pembangunan, dengan kolaborasi dan kerjasama yang bakal melibatkan dan menghubungkan komuniti di sekitar kawasan ini secara langsung. Kami berharap semoga ia akan menarik minat pengunjung serta mencerminkan personaliti dan semangat presint Merdeka 118, sekaligus membawa kesan positif kepada kawasan-kawasan lain di Kuala Lumpur."

Galeri pameran yang baru sahaja dilancarkan ini memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat ciri-ciri penting seperti lokasi pembangunan dan keterhubungan yang baik ke kawasan lain di Kuala Lumpur, juga aspek-aspek teknikal, termasuk rupa bentuk menara pencakar langit yang unik di Asia Tenggara.

Apabila selesainya projek ini, Merdeka 118 akan melingkungi lebih dari 3 juta kaki persegi yang terdiri daripada 1.65 juta kaki persegi ruang pejabat Gred-A untuk disewa, Dek Pemerhatian PNB yang bakal menjadi yang tertinggi di Asia Tenggara, satu-satunya Park Hyatt Hotel di Malaysia, 1 juta kaki persegi pusat membeli belah yang menarik serta 3 menara kediaman premium.

Naib Presiden Eksekutif, Harta/Hartanah, PNB, Encik Rizal Rickman Ramli berkata, "Sebagai sebuah hab bersepadu ikonik di tengah bandar Kuala Lumpur, presint Merdeka 118 akan mempertingkatkan aspek keselesaan gaya hidup, kepesatan dan memberikan pengalaman luar biasa kepada masyarakat sekeliling. Pembinaan menara Merdeka 118 yang dimulakan pada tahun 2016 kini sudah 38% siap dengan ketinggian 78 tingkat. Menjelang 2021 apabila ia siap dibina, menara yang merangkumi 118 tingkat dengan ketinggian 635m ini akan menjadi mercu tanda baharu yang melengkapi kaki langit Kuala Lumpur."

"Bagi memastikan keterhubungan yang lancar, kami bekerjasama dengan perunding antarabangsa, arkitek, jurutera, serta pakar dari Malaysia untuk mewujudkan rancangan infrastruktur utama untuk menjadikan Merdeka 118 sebagai sebuah pembangunan Malaysia yang ikonik dan bertaraf dunia."

Menara ini juga mensasarkan penarafan tiga akreditasi platinum dengan Leadership in Energy and Environmental Design (LEED), GreenRE dan Green Building Index (GBI), yang akan menjadikan Merdeka 118 bangunan pertama di Malaysia untuk mendapat penarafan sedemikian.

Terdapat juga beberapa projek yang sedang diusahakan termasuk teater dengan kapasiti 1,000 tempat duduk, tempat yang sememangnya sesuai untuk pameran dan persembahan kebudayaan dan seni, muzik serta hiburan secara langsung; sebuah dewan yang mampu menampung sehingga 2,000 tetamu; dan taman seluas empat ekar dilengkapi dengan tarikan air pancut, berperanan sebagai ruang terbuka untuk rakyat Malaysia dan pelawat untuk menikmati pemandangan berlatar belakang Merdeka 118 yang unggul. Projek ini disokong oleh rancangan infrastruktur utama bagi meningkatkan lagi akses dan perhubungan ke kawasan tersebut.

Galeri kini dibuka dari 9 pagi hingga 6 petang setiap hari. Untuk maklumat lanjut mengenai ruang pejabat Merdeka 118, sila hubungi James Goh di 03-2691 9922 (Perunding Hartanah Rahim & Co International) atau James Short di 03-2260 0700 (JLL). Sebarang pertanyaan berkaitan ruang pusat membeli belah, sila hubungi Zuraidah Khalil di 03-2161 7228 (Nawawi Tie Leung).

-ends-

Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), diperbadankan pada bulan Jun 2000 bagi membangunkan presint Warisan Merdeka, dan juga pemilik tanah dan penjaga tunggal kedua-dua Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak dari itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan pelan pemuliharaan yang teliti sehingga Stadium Merdeka meraih Anugerah Kecemerlangan UNESCO untuk Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pacific) di 2008.

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-

pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Leadership in Energy and Environmental Design (LEED)

LEED, atau Kepimpinan di dalam Rekaan Alam Sekitar dan Tenaga, ialah sistem penarafan bangunan hijau yang paling kerap digunakan di dunia. LEED menyediakan rangka kerja untuk pembinaan bangunan hijau yang sihat, sangat berkesan serta menjimatkan kos dan telah disediakan untuk hampir semua jenis projek bangunan, komuniti dan rumah.

GreenRE

GreenRE merupakan alat penarafan hijau terunggul di Malaysia yang membawa ke tahap kemampanan dan prestasi baru dalam sektor pembinaan. Melalui tahap pelaksanaan kami, persekitaran yang dibina akan dilengkapi dengan struktur yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan sumber yang cekap.

Green Building Index (GBI)

Green Building Index (GBI) ialah industri Malaysia yang mengiktiraf alat penarafan hijau untuk bangunan bagi mempromosikan kemampanan dalam persekitaran yang dibina serta menaikkan lagi kesedaran di kalangan Pemaju, Arkitek, Jurutera, Perancang, Pereka, Kontraktor dan Orang Awam mengenai isu alam sekitar seterusnya tanggungjawab kami untuk generasi masa depan.

Sebarang pertanyaan mengenai media, sila hubungi:

1. *Liza Karim, Ketua Komunikasi, Jabatan Komunikasi, PNB Merdeka Ventures | 03-2181 3078 | lizakarim@pnb.com.my*
2. *Natalia Ghani, acorn communications | natalia@acornco.com.my | 012-231 4782*

PNB

**Merdeka
Ventures**

PRESS RELEASE

MERDEKA 118 SHOW GALLERY OPENS ITS DOORS

Showcases Southeast Asia's Landmark Office Tower

Kuala Lumpur, 24 September 2019: PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (PNBMV), a wholly-owned subsidiary of Permodalan Nasional Berhad (PNB), today unveiled the *Merdeka 118 Show Gallery* for its much-anticipated development, at Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Located in a formerly celebrated yet vibrant enclave of Kuala Lumpur, the prestigious Merdeka 118 precinct is set to become an extraordinary union between the historic and contemporary architecture. Emerging steadily and clearly visible in the Kuala Lumpur skyline, the silhouette of the tower along with its spire mirrors the iconic image of the declaration of Independence by Malaysia's first Prime Minister, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

The Merdeka 118 tower overlooks Malaysia's two national landmarks - Stadium Negara and Stadium Merdeka, where Malaysia's independence was declared in 1957. As sole custodian of these heritage sites, PNB Merdeka Ventures has made efforts to preserve Stadium Merdeka which has undergone meticulous conservation in 2007, restoring it to its original state in 1957, whilst plans are in the pipeline for Stadium Negara to be upgraded to enable it to host various activities.

PNB Group Chairman, Tan Sri Dr. Zeti Aziz said, "This precinct not only embodies our culture and legacy of independence, but also our evolution and future, given the union of contemporary architecture and the historic in this area. The tower spire aptly personifies our vaulting aspirations towards our future, for Malaysia as a nation and for PNB as a company."

“A catalyst for change, Merdeka 118 is revitalising this historic location. To this, we have prioritised plans to fully activate the precinct all year round once completed, with potential collaborations and partnerships that will deeply involve and connect directly with the neighbouring community. It is our hope that it will draw visitors and reflect the personality and spirit of the Merdeka 118 precinct, bringing a positive impact to other parts of Kuala Lumpur.”

The newly launched show gallery provides visitors with the opportunity to preview important features such as the development’s location and connectivity in relation to the other parts of Kuala Lumpur as well as technical aspects, and the look and feel of one of South-East Asia’s landmark office towers.

Once completed, Merdeka 118 will span over 3 million square feet of floor area, comprising 1.65 million square feet of net lettable area of Grade-A rentable office space, the PNB Observation Deck which will be the highest in Southeast Asia, the only Park Hyatt Hotel in Malaysia, and approximately 1 million square feet of net lettable area of exciting retail opportunities as well as three premium residential towers.

Executive Vice President, Property/Real Estate of PNB, Rizal Rickman Ramli added, “As an iconic integrated urban hub in the heart of Kuala Lumpur, the Merdeka 118 precinct is set to increase liveability, vibrancy and breathe new life to the surrounding community. Having commenced construction in 2016, the Merdeka 118 tower is currently 38% completed, standing at 75 floors. Upon completion by 2021, the 118-storey tower at a height of 635m will be a new landmark, complementing the Kuala Lumpur skyline.”

“To ensure seamless connectivity, we are collaborating with international consultants, architects, engineers, along with experts from Malaysia to develop major infrastructure plans to make the Merdeka 118 precinct a uniquely Malaysian, world-class development.”

The tower is also targeting triple platinum rating with Leadership in Energy and Environmental Design (LEED), GreenRE and Green Building Index (GBI) certification, which will make Merdeka 118 the first in Malaysia to earn such a rating.

There are also several projects in the pipeline including a 1,000-seater theatre, an ideal venue for cultural and art shows, live music and entertainment; a ballroom fit to cater up to 2,000 guests; and a four-acre park with water features, serving as open public spaces for Malaysians and visitors to enjoy against the spectacular backdrop of Merdeka 118. The project is supported by major infrastructure plans to improve accessibility and connectivity to the precinct.

The Gallery is open for viewing from 9am to 6pm daily. For further information on Merdeka 118 office-related inquiries, please contact James Goh at 03-2691 9922 (Rahim & Co International Property Consultants) or James Short at 03-2260 0700 (JLL). For retail-related inquiries, please contact Zuraidah Khalil at 03-2161 7228 (Nawawi Tie Leung).

-ends-

About PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad was incorporated in June 2000 and is the land owner and sole custodian of both Stadium Merdeka and Stadium Negara. Both stadiums have been listed as “National Heritage” sites in October 2005 under the National Heritage Act 2005. Thereafter PNB Merdeka Ventures carried out meticulous conservation efforts, earning Stadium Merdeka the UNESCO Award of Excellence for Culture Heritage Conservation Programme (Asia Pacific) in 2008.

About Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) is one of the largest fund management companies in Malaysia with assets under management (AUM) exceeding RM300 billion. PNB's portfolio covers strategic investments in Malaysia's leading corporates, global equities, private investments and real estate. For more information, please visit www.pnb.com.my.

Leadership in Energy and Environmental Design (LEED)

LEED, or Leadership in Energy and Environmental Design, is the most widely used green building rating system in the world. LEED provides a framework to create healthy, highly efficient and cost-saving green buildings and is available for virtually all building, community and home project types.

GreenRE

GreenRE is a leading Malaysian green rating tool spearheading the drive for a new level of sustainability and performance in the construction sector. Through the implementation of our standards, the built environment will consist of structures that are environmentally responsible and resource efficient.

Green Building Index (GBI)

The Green Building Index (GBI) is Malaysia's industry recognised green rating tool for buildings to promote sustainability in the built environment and raise awareness among Developers, Architects,

Engineers, Planners, Designers, Contractors and the Public about environmental issues and our responsibility to the future generations.

For media inquiries, please contact:

1. *Liza Karim, Head of Communications, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd | 03-2181 3078 | lizakarim@pnb.com.my*
2. *Natalia Ghani, Acorn Communications | natalia@acornco.com.my | 012-231 4782*